



# BAB SATU



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Bab ini merupakan pembuka bicara kepada bab-bab berikut. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran umum berhubung dengan perkara-perkara asas yang harus dipenuhi oleh sesebuah kajian. Di samping itu ia membuktikan bahawa kajian ini dijalankan dengan sistematik dan teratur demi mencapai keputusan kajian yang tepat dan sempurna.

Fokus bicara bab ini ialah sebab-sebab pemilihan tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, bidang kajian, ruang lingkup kajian dan metodologi kajian. Selain daripada itu, turut dinyatakan sumbangan kajian serta rangka kajian yang akan dijalankan.

#### **1.1 Sebab-sebab Pemilihan Tajuk**

Antara sebab dan dorongan penulis memilih bidang dan tajuk kajian ini dijalankan ialah :

- i. Bahan kajian yang membicarakan bidang sintaksis atau tatabahasa Arab masih kurang jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain seperti metodologi pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Keadaan ini disebabkan oleh kurangnya sarjana yang menjalankan penyelidikan serta menterjemahkannya ke dalam bahasa Malaysia.
- ii. Penggunaan ragam pasif yang sering kali digunakan di dalam kitab suci al-Quran al-Karim bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh. Bahkan ia mempunyai kekuatan gaya bahasa yang tersendiri yang perlu diteliti dan dikaji.
- iii. Surah Āl ‘Imrān dipilih untuk dijadikan bahan kajian kerana surah ini masih belum diterokai. Tambahan pula ia merupakan surah yang terpenting yang

membicakan tentang keutuhan tauhid umat Islam, menasihati serta memberi peringatan tentang hari kebangkitan. Sebahagian kenyataan maklumat ini tersusun di dalam ayat yang menggunakan ragam pasif.

### **1.2 Permasalahan Kajian**

Di dalam kajian ini, beberapa persoalan cuba dirungkaikan oleh penulis, antaranya ialah :

- i. Apakah jenis ragam pasif yang terdapat di dalam bahasa Arab yang sering kali digunakan di dalam kitab suci al-Quran khususnya yang terkandung dalam surah Al 'Imrān?
- ii. Apakah elemen-elemen penting yang perlu diberi perhatian dan dititik beratkan ketika menggunakan kata kerja pasif ?
- iii. Adakah penggunaan ragam pasif dipengaruhi oleh unsur-unsur tertentu ?
- iv. Dengan menggunakan ragam pasif, adakah keunikian dan kesenian bahasa dapat dibentuk ?

### **1.3 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian dijalankan ialah :

- i. Memperkenalkan konsep ragam pasif dan kaedah pembinaan serta penggunaannya dengan cara yang lebih mudah, jelas dan sistematik.
- ii. Mengenal pasti ragam pasif yang terdapat pada bahasa Arab yang merupakan sebahagian daripada gaya bahasa yang sering kali digunakan di dalam al-Quran al-Karim terutamanya pada surah Al 'Imrān.
- iii. Melihat makna-makna tersurat dan tersirat yang terkandung di dalam pemakaian ragam pasif khususnya apa yang terdapat di dalam surah Al 'Imrān.
- iv. Meneliti sebab penggunaan ragam pasif di dalam surah Al 'Imrān.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan kepada pengamatan penulis, kajian sebegini amat perlu dilaksanakan dan diteruskan usaha murni ini pada masa mendatang. Antara sebab-sebabnya ialah :

- i. Sepanjang pengetahuan penulis, kajian yang berkaitan dengan penggunaan ragam pasif dalam bahasa Arab, tumpuan khusus terhadap surah Al 'Imrān ini masih belum diterokai oleh sarjana tempatan secara terperinci dan mendalam.
- ii. Kajian ini pada prinsipnya memberi gambaran lengkap dan sempurna berhubung dengan penggunaan ragam pasif di dalam surah Al 'Imrān dan kepentingannya dalam sintaksis Arab.
- iii. Meningkatkan daya kefahaman dan ketakjuban terhadap al-Quran. Sejajar dengan itu, ia dapat memantapkan keimanan. Ini kerana penggunaan ragam pasif berupaya menyampaikan mesej atau kenyataan yang lebih jelas, mantap dan tegas yang pasti akan memberi kesan mendalam di dalam hati pendengar atau pembaca.

## **1.5 Bidang Kajian**

Penyelidikan ini merangkumi beberapa bidang kajian, antaranya ialah :

### **1.5.1 Bidang Sintaksis**

Tumpuan utama kajian ini terhalang ke arah bidang sintaksis atau nahu bahasa Arab. Segala sudut cuba diberi perhatian sewajarnya.

### **1.5.2 Bidang Semantik**

Penulis menilai penggunaan ragam pasif dari sudut semantik untuk menyingkap makna dan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan kepada konteks penggunaannya di dalam ayat.

### **1.5.3 Bidang Morfologi**

Dalam membincangkan mengenai makna-makna perkataan ragam pasif, penulis turut menyentuh aspek-aspek morfologi bagi memperlihatkan perubahan pola yang berlaku.

### **1.6 Skop Kajian**

Sudah menjadi satu kewajiban sesuatu penyelidikan yang bakal dijalankan mempunyai had sempadan yang tertentu. Ini bertujuan melicinkan proses kajian yang dilaksanakan serta membantu menjayakan motif yang di tuju.

Kajian ini hanya tertumpu kepada permasalahan ragam pasif bahasa Arab yang terdiri daripada tiga jenis iaitu :

- i. Kata kerja pasif.
- ii. Kata nama pasif yang berfungsi sama seperti kata kerjanya.
- iii. Kata nama nisbah pasif.

Satu tinjauan khusus terhadap penggunaannya di dalam surah Al 'Imrān dianalisis. Pelbagai aspek diberi penekanan di antaranya ialah jenis penggunaan ragam pasif, unsur pelaku ganti dan skop perbahasan yang menggunakannya.

### **1.7 Metodologi kajian**

Beberapa kaedah telah digarapkan untuk menghasilkan satu kajian yang cemerlang dari segi persempahan dan isi kajiannya. Ianya amat perlu supaya hasil kajian ini tidak tersasar daripada motif yang sebenar.

Bahan kajiannya terdiri daripada kitab suci al-Quran menurut bacaan Ḥafṣ bin ‘Āsim dengan aturan penulisan *Rasm ‘Uthmāniy*. Fokus utama tertumpu kepada pemakaian ragam pasif yang terdapat pada surah Al ‘Imrān.

Antara metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah :

#### 1.7.1 Cara Pungutan

Dalam usaha untuk mengumpul data-data serta maklumat penting untuk bahan kajian penyelidikan ini, penulis telah menggunakan beberapa metod kajian agar maklumat yang terkumpul itu tepat dan sempurna. Antara metod yang digunakan ialah :

##### i. Metod Historis

Berlandaskan metod ini, penulis menilai sesuatu ayat yang menggunakan ragam pasif dari aspek keadaan sebenar ayat itu diturunkan. Situasi sebenarnya hanya dapat digambarkan melalui penelitian kesan sejarahnya yang terdapat pada *'asbāb nuzūl* ( sebab-sebab sesuatu ayat itu diturunkan ).

##### ii. Metod Dokumentasi

Suatu cara mendapatkan keterangan dengan meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Dokumen itu ialah sumber bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan sama ada berbentuk catatan, laporan penyelidikan, jurnal, kertas kerja dan sebagainya.

Metod ini digunakan dalam bab dua dan bab tiga. Sumber dokumen yang diutamakan ialah kitab suci al-Quran al-Karim serta kitab-kitab tafsirannya, dan kitab-kitab nahu bahasa Arab sama ada karya ulama terdahulu atau sekarang.

### **1.7.2.Cara Pemilihan Korpus**

Penulis memilih al-Quran untuk dijadikan bahan kajian serta mengeneralisasikan segala teori ragam pasif yang telah dinyatakan. Al-Quran terpilih kerana ia merupakan sebab utama tercetusnya ilmu nahu Arab yang menjaga fleksinya daripada berlaku kesilapan baris.

Pada peringkat permulaan, kesemua surah yang terdapat pada al-Quran dibaca sepintas lalu bagi mencari korpus khusus yang bertepatan dan bersesuaian dengan kajian yang bakal dijalankan.

### **1.7.3.Cara Menganalisis Data**

Bagi tujuan menganalisis maklumat dan data yang diperolehi, beberapa kaedah telah digunakan. Antaranya ialah :

i. Metod Induktif

Bagi memenuhi keperluan kajian ini, data-data yang dikumpulkan kebanyakannya bersifat sekunder yang berupa teori dan fakta hasil penemuan ulama terdahulu. Teori-teori ini difahami dan diteliti sebelum digeneralisasikan ke atas surah *Āl ‘Imrān*.

Segala ayat yang menggunakan ragam pasif disenaraikan satu persatu. Setiap terjemahan yang diberikan adalah terjemahan asal yang dipetik secara langsung dari kitab “ Tafsir Pimpinan al-Rahman hasil terjemahan Sheikh ‘Abdullah Basmih yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

ii. Metod Deduktif

Ia mempunyai makna yang berlawanan dengan metod induktif. Pendekatan kaedah ini adalah dengan mengemukakan suatu kenyataan atau kaedah yang disusuli selepasnya dengan menyatakan bukti-bukti yang mempertahankan dan membenarkan kenyataan yang telah dikemukakan itu.

iii. Metod Komparatif

Kaedah ini digunakan ketika penulis membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi.

## **1.8 Sumbangan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang berfaedah. Antaranya ialah :

**1.8.1 Aspek sintaksis atau tatabahasa.**

- i. Permasalahan ragam pasif bukanlah suatu perkara yang baru dibincangkan oleh para linguistik Arab. Namun demikian terdapat perbezaan di antara pakar nahu bahasa Arab aliran Basrah, Kufah, Baghdad dan sarjana terkini. Menyedari hakikat ini, satu pendekatan telah diambil dengan mengadakan perbandingan di antara kaedah-kaedah dan teori-teori yang telah dinyatakan oleh mereka.
- ii. Melalui hasil kajian ini, dapat diketahui jumlah bilangan ayat pasif yang digunakan di dalam surah Al 'Imrān. Begitu juga dapat ditentukan bentuk-bentuk serta dorongan terhadap pemakaianya.

- iii. Memberi pendedahan dan alternatif bagi memilih pembinaan ayat di dalam bahasa Arab mengikut kesesuaian konteksnya.

#### 1.8.2 Aspek ilmu Balaghah.

- i. Perbincangan faktor-faktor dorongan pembinaan ayat pasif dari segi patah kata dan ketulusan makna tidak dapat lari daripada ilmu *Bayān*, ilmu *Ma'āni* dan ilmu *Badi'* di dalam bidang ilmu Balaghah.
- ii. Membantu meningkatkan daya kefahaman serta menimbulkan rasa takjub dan terpesona dengan kesenian dan keunikan yang terkandung di dalam struktur ayat pasif.

#### 1.9 Tinjauan Kajian Lampau

Permasalahan ragam pasif telah menjadi tumpuan para ahli linguistik Arab sejak zaman berzaman. Kaedahnya telah dibahaskan oleh ulama-ulama silam dan moden sebagaimana yang dimuatkan di dalam hasil karangan mereka pada kitab-kitab nahu.

Secara ringkasnya, rujukan penulis terhadap kajian lampau boleh dipecahkan kepada tiga kategori berdasarkan kepada era penulisannya iaitu :

##### i. Karya Penulisan Era Silam ( Peringkat Permulaan )

Dimaksudkan dengan karya penulisan era terdahulu ialah merangkumi kitab-kitab yang dikarang pada zaman penemuan dan penyusunan serta perkembangan ilmu nahu Arab. Ia dianggarkan bermula semenjak zaman Abū al-Aswad al-Du'aliy ( 67H ) yang dianggap sebagai pengasas ilmu nahu sehingga pertengahan kurun keempat hijrah iaitu di zaman detik-detik kejatuhan kerajaan Abbasiah.

Antara kitab-kitab yang dirujuk oleh penulis yang dibukukan pada masa zaman ini ialah :

- a) **Al-Kitāb** karangan Sibawayh ; Abū Bshīr ‘Amr bin ‘Usmān bin Qanbar ( 188 H )<sup>1</sup>.
- b) **Al-Muqtaḍāb** karangan al-Mubarrid ; Abū al-‘Abbās bin Farāj ( 285 H )<sup>2</sup>.
- c) **Kitāb al-Jumal Fi al-Naḥw** karangan Al-Zajājīy ; Abū al-Qāsim ‘Abd Rahmān bin Ishāq ( 339 H )<sup>3</sup>.

Hasil karya pada zaman tersebut berkonsepkan pembukuan teori-teori dan kaedah-kaedah nahu bahasa Arab. Bahasa yang digunakan agak klasik, padat dan ringkas. Ini menyebabkan ia sukar difahami dan memerlukan kepada penerangan yang lebih lanjut.

Perbahasan ragam pasif dibincangkan di bawah tajuk “ *Fi'l Mā Lam Yusamma Fā'iluh* ( kata kerja yang tidak diyatakan pelakunya ). Perbahasan tentangnya tertumpu ke arah kaedah dan teori pembentukan kata kerja pasif dan perlaku gantinya yang menuruti sifat nominatif.

## ii. Karya Penulisan Era Mutakhir

Dimaksudkan dengan karya penulisan era mutaakhir ialah hasil karya yang dihasilkan selepas kejatuhan kerajaan Abbasiah pada pertengahan kurun keempat. Antara kitab-kitab yang dirujuk oleh penulis pada zaman ini ialah :

- a) **al-Lubāb Fi 'Ilal al-Binā' wa al-'Irāb** karangan Al-'Ukbariy; Abū al-Baqā' 'Abdullah bin Ḥusain ( 616 H )<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> Abū Bashr 'Amru bin 'Usmān bin Qunbar Sibawayh (1971M), **al-Kitāb**, e.d : 'Abd. al-Salām Harūn, percetakan al-Hai'aṭ al-Mesriyat.

<sup>2</sup> Abū al-‘Abbās bin Farāj al-Mubarrid ( 1964 ), ( ed ) Muḥammad 'Abd al-Khālid 'Adhimat, **al-Muqtaḍāb**, j.4, c.1, Kaherah : al-Majlis al-A'la li al-shu'ūn al-Islāmiat.

<sup>3</sup> Abū al-Qāsim Abd Rahmān bin Ishāq Al-Zajājīy ( 1985 ), (e.d) 'Aliy Taufiq al-Ḥamad, **Kitāb al-Jumal Fi al-Naḥw**, c.1, Beirut : Mu'assasat al-Risālat.

<sup>4</sup> Abū al-Baqā' 'Abdullah bin Ḥusain Al-'Ukbariy ( 1995 ), (e.d) Ghāzi Mukhtār, **al-Lubāb Fi 'Ilal al-Binā' wa al-'Irāb**, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.

- b) **Kitab al-Kāfiyyat Fi al-Nahw** karangan Ibn al-Hājib; Jamal al-Dīn Abū 'Amr 'Uthmān ( 646 H )<sup>1</sup>.
- c) **al-Mumti' Fi al-Tasrif**<sup>2</sup> dan **Sharḥ Jumal al-Zajājīy**<sup>3</sup> karangan Ibn 'Uṣfūr; Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad bin 'Aliy ( 663 H ).
- d) **Sharḥ Kāfiyat Ibn Ḥājib** karangan Radiy al-Dīn; Muḥammad bin al-Ḥasan al-Iṣṭirābādhiy ( 686 H ).<sup>4</sup>
- e) **Sharḥ Ibn 'Aqīl** karangan Ibn 'Aqīl; Abu 'Abd al-Rahmān 'Abdullah Bahā' al-Dīn ( 679 ).<sup>5</sup>
- f) **Sharḥ Shudhūr al-Dhahab Fi Ma'rifat Kalām al-'Arab**<sup>6</sup>, **Qaṭr al-Nadā waball al-Ṣadā**<sup>7</sup> dan **'Audāh al-Masālik 'Ila Alfiyyat Ibn Mālik**<sup>8</sup> karangan Ibn Hishām; Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāl al-Dīn ( 761 H ).
- g) **Ham' al-Hawāmi' Fi Sharḥ Jam' al-Jawāmi'** karangan Al-Sayūtiy; Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abū Bakr ( 911 H ).<sup>9</sup>

Penulisan pada zaman ini merupakan perkembangan kaedah dan teori yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama terdahulu. Malah sebahagian besarnya mereka merupakan

<sup>1</sup> Jamal al-Dīn Abū 'Amr 'Uthmān Ibn al-Hājib ( 1985 ), (e.d) Radiy al-Dīn Muḥammad bin al-Ḥasan **Kitāb al-Kāfiyat Fi al-Nahw**, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyat.

<sup>2</sup> Abū al-Ḥasan 'Aliy bin Mu'min bin Muḥammad Bin 'Aliy Ibn 'Uṣfūr ( 1987 ) (e.d) Fakhr al-Dīn Qabāwah, **al-Mumti' Fi al-Tasrif**, j.2 c.1, Beirut : Dār al-Ma'rifa.

<sup>3</sup> Ibn 'Uṣfūr ( 1998 ), **Sharḥ Jumal al-Zajājīy** , c.1. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat

<sup>4</sup> Muḥammad bin al-Ḥasan al-Iṣṭirābādīy Raḍīy al-Dīn ( 1998 ), **Sharḥ Kāfiyat Ibn Ḥājib**, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.

<sup>5</sup> Abū 'Abd al-Rahmān 'Abdullah Bahā' al-Dīn Ibn 'Aqīl ( 1995 ), **Sharḥ Ibn Aqīl**, (e.d) Muḥammad Maḥy al-Dīn Abd al-Ḥamid, j.1, c. 1, Beirut : al-Maktab al-'Aṣriyyat

<sup>6</sup> Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāl al-Dīn Ibn Hishām ( 1988 ), (e.d) al-Fakhūriy, **Sharḥ Shudhūr al-Dhahab Fi Ma'rifat Kalām al-'Arab**, c.1, Beirut : Dār al-Jail.

<sup>7</sup> Ibn Hishām ( 1988 ) **Qaṭr al-Nadā waball al-Ṣadā** (e.d) Muḥammad Maḥy al-Dīn bin 'Abd al-Ḥamid, c.1, Beirut : al-Maktabat al-'Aṣriyyat

<sup>8</sup> Ibn Hishām ( 1994 ) **'Audāh al-Masālik 'Ila Alfiyyat Ibn Mālik** ( e.d ) Barakāt Yusūf Habbūd, , j.2, c.1, Beirut: Dār al-Fikr.

<sup>9</sup> Jalāl al-Dīn Abd al-Rahmān bin Abū Bakr Al-Sayūtiy ( 1998 ), (e.d) Ahmad Shams al-Dīn, **Ham' al-Hawāmi' Fi Sharḥ Jam' al-Jawāmi'**, j.3 ,c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat .

guru kepada cerdikiawan nahu selepas mereka. Oleh sebab itu, perbincangannya lebih lebar dan jelas dari dahulu.

Berhubung dengan permasalahan ragam pasif, di antara aspek tambahan yang difokuskan oleh ulama-ulama pada masa tersebut ialah sebab-sebab penggunaan ragam pasif dari sudut makna dan lafaz yang lebih mirip pentafsirannya ke arah ilmu Balaghah. Aspek pembentukan kata kerja pasif serta faktor perubahannya dan masalah pemilihan pelaku ganti apabila kata kerja pasifnya mempunyai objek yang lebih daripada satu juga turut memperjelaskan secara lebih mendalam.

### iii. Karya Penulisan Masa Kini.

Dimaksudkan dengan penulisan masa kini ialah hasil tulisan yang dikarang pada abad ini, yang mana sesetengah dari mereka sempat hidup sezaman dengan penulis. Kebanyakan hasil karya mereka adalah berdasarkan kepada teori atau kaedah yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama silam dan mutakhir.

Antara hasil tulisan pada masa kini yang dirujuk ialah :

- Taisir al-Nahw al-Ta'limiy Qadiman Wa Hadisan Ma'a Nahji Tahđidih**<sup>1</sup> dan **Tahđid al-Nahw**<sup>2</sup> karangan Shauqi Daif .
- Jami' al-Durūs al-'Arabiyyat** karangan Muṣṭafa al-Ghalāyainiy<sup>3</sup>.
- Mausu'at al-Nahw wa al-Şarf wa al-I'rāb** karangan 'Amīl Bādī' Ya'qūb<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Shauqi Daif ( tt ), *Taisir al-Nahw al-Ta'limiy Qadiman Wa Hadisan Ma'a Nahji Tahđidih*, Kaherah : Dār al-Ma'ārif

<sup>2</sup> Shauqi Daif ( t.t ) *Tahđid al-Nahw*, Kaherah : Dār al-Ma'ārif

<sup>3</sup> Muṣṭafa al-Ghalāyainiy ( 1987 ), *Jami' al-Durūs al-'Arabiyyat* , j.1, c.11, Beirut :Maktabat al-'Asriyyat .

<sup>4</sup> Amīl Bādī' Ya'qūb ( 1988 ), *Mausu'at al-Nahw wa al-Şarf wa al-I'rāb* , c.1, Kaherah : Dār al-'Ilm Li al-Malāyin.

- d) **al-Nahw al-Wāfi** karangan 'Abbas Hasan<sup>1</sup>
- e) **al-Nahw al-Shāfi** karangan Muhammad Husainy Mughālisat.<sup>2</sup>

Konsep penulisan pada masa ini lebih berbentuk ke arah menyusun satu sistem perkaedahan bahasa Arab secara teratur dan bersistematis. Segala perbincangan mereka adalah bersandarkan kepada penemuan dan penerimaan terhadap kaedah-kaedah yang pernah dikemukakan. Pendekatan penulisan yang digunakan adalah untuk memudahkan pembaca dan sistem pembelajaran nahu.

Pada dasarnya perbahasan ragam pasif di kalangan mereka dimulai dengan definisi ragam pasif dan diikuti dengan tajuk-tajuk kecil antaranya ialah faktor-faktor yang menyebabkan pelakunya dimansuhkan, kategori kata kerja yang boleh dipasifkan, atur cara pembentukan kata kerja pasif dan faktor-faktor perubahannya. Tidak ketinggalan juga unsur-unsur yang dibolehkan menjadi pelaku ganti turut diberi penjelasan secara terperinci.

Di samping itu juga, penulis mendapat terdapat dua orang sarjana telah menjalankan penyelidikan terhadap ragam pasif. Mereka ialah :

- a) Ḥāfi Muḥammad Ismā'il al-Zūba'iyy dengan kajiannya berjudul “ Min Asālib al-Ta‘bīr al-Qur’āniy ” ( *Antara Gaya Bahasa al-Quran* ) di bawah tajuk perbahasan Uslūb al-Mabnī Li al-Majhūl ( *Gaya Bahasa Ragam Pasif* ).

Kajian ini pada prinsipnya memberi gambaran umum tentang keistimewaan ragam pasif yang terdapat di dalam al-Quran. Namun begitu, perbahasan berkaitan dengan

---

<sup>1</sup> 'Abbas Hasan ( 1973 ), *al-Nahw al-Wāfi*, j.2, c.1, Kaherah : Dār al-Ma'rifa

<sup>2</sup> Muhammad Husainy Mughālisat (1993 ), *al-Nahw al-Shāfi*, c. 2, Beirut : Mu'assasat al-Risālat .

ragam pasif tidak disentuh secara mendalam. Apa yang ingin digambarkan di sini ialah ia merupakan salah satu gaya bahasa yang sering kali digunakan di dalam al-Quran.

Penulisan kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu :

- i. Pembentukan kata kerja pasif. Dalam konteks ini, penekanan difokuskan kepada pembentukan kata kerja pasif bagi kata kerja kala lampau ( KKKL ) dan kata kerja kala kini ( KKKK ). Turut disentuh pada ruang ini ialah pola pembentukan kata nama pasif. Kemudian disenaraikan ayat yang menggunakan kata kerja pasif dan kata nama pasif satu persatu mengikut susunan *alfa bā'iy* berpandukan kepada surah-surah yang terdapat di dalam al-Quran.
  - ii. Unsur-unsur yang boleh menggantikan tempat pelaku. Fokus utama kepada unsur objek, kata dasar ( *maṣdar* ) adverba ( kata keterangan ) dan kata nama genetif.
  - iii. Objektif penggunaan ragam pasif. Aspek yang dititik beratkan adalah dari sudut makna dan lafaz kenapa digunakan kata kerja pasif. Turut dinyatakan di sini situasi-situasi peristiwa penggunaan ragam pasif.
- b) Muḥammad Ismā‘il Ya‘qūb dengan kajiannya berjudul “ al-Mabniy Li al-Majhūl Fi Dars al-Nahw wa al-Taṭbiq Fi al-Qur’ān al-Karīm ( *Pelajaran Nahu dari Aspek Ragam Pasif Dan Penerapan di Dalam al-Quran* ).

Pada dasarnya kajian ini bermotifkan memberi penjelasan permasalahan ragam pasif. Fokus perbahasan ragam pasif tertumpu kepada teori-teorinya serta pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pakar linguistik, ahli tafsir, ahli retorik dan fonologis (*Qirā'at*).

Kajian ini terbahagi kepada empat bab iaitu :

- i. Ragam pasif menurut ulama-ulama silam. Dibahaskan pada ruang ini teori-teori asas ragam pasif yang merangkumi perkaedahan pembentukan kata kerja pasif, sebab penggunaannya, unsur-unsur yang layak menjadi pelaku ganti dan sebagainya.
- ii. Ragam pasif dan teori transformasi. Dijelaskan di sini teori-teori transformasi yang diperkenalkan oleh Chomsky.
- iii. Struktur sintaksis yang terdapat pada ragam pasif di dalam pemakaianya dalam al-Quran. Di sini ditonjolkan beberapa struktur ayat al-Quran yang sering kali menggunakan ragam pasif.
- iv. Bacaan ayat al-Quran dari sudut ragam pasif. Dijelaskan di sini teknik-teknik perubahan bacaan ragam pasif.

### **1.10 Rangka Kajian**

Di dalam disertasi ini, penulis membahagikan kepada lima bab. Setiap bab dipecahkan kepada perbincangan-perbincangan yang lebih terperinci seperti berikut :

**BAB I Pendahuluan.** Di bawah bab ini aspek yang dipamerkan ialah : Sebab-sebab pemilihan tajuk, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, bidang kajian, skop kajian, metodologi kajian, sumbangan kajian, sorotan kajian lampau dan rangka kajian.

- BAB II** **Ragam Pasif Bahasa Arab.** Penumpuan diberikan kepada perbincangan aspek-aspek berikut iaitu : Definisi ragam pasif yang turut dimuatkan pandangan awal pakar nahu yang terdiri daripada ulama silam dan ulama mutakhir. Di samping itu turut diberi penekanan terhadap pembentukan kata kerja pasif, kata nama pasif dan kata nama nisbah pasif serta objektif penggunaan ragam pasif dari sudut makna dan lafaz.
- BAB III** **Perihal Pelaku Ganti.** Fokus perbahasan tertumpu kepada definisi pelaku ganti, ciri-ciri pelaku ganti, jenis-jenis kata yang boleh dijadikan pelaku ganti dan unsur-unsur pelaku ganti yang terdiri daripada unsur objek, kata terbitan, kata keterangan dan kata nama genetif.
- BAB IV** **Penggunaan Ragam Pasif Dalam Surah Al ‘Imrān : Satu Analisis.** Perkara yang dinyatakan bawah bab ini ialah pokok perbincangan surah ini secara umum bagi mempermudahkan pemahaman terhadap ayat-ayatnya. Kemudian disenaraikan satu persatu ayat-ayat yang menggunakan ragam pasif.
- Ayat-ayat itu diteliti dan dikaji dari sudut kesenian dan unsur-unsur yang mendorong pemakaian ragam pasif. Di samping itu unsur kekerapan penggunaannya turut dinilai dari aspek pemilihan jenis kata kerja pasif, bentuk-bentuk kata kerja pasif dan pelaku gantinya dan skop perbincangan yang sering kali menggunakannya.
- BAB V** **Penutup.** Dalam bab ini penulis mengemukakan kesimpulan dan saranansaranan yang wajar diberi perhatian oleh pihak-pihak tertentu.